

**Masjid Di Perlis Disaran Wujud Sudut Arkib  
Bernama  
11 Julai, 2013**

KANGAR, 11 Julai (Bernama) -- Semua masjid di Perlis disaran mewujudkan sudut arkib bagi membolehkan orang ramai mendalami sejarah pembangunan agama di kariah masing-masing.

Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah sudut berkenaan perlu diisi dengan pelbagai dokumen, gambar dan artifak berkaitan sejarah masjid.

Baginda juga berharap anak kariah boleh membantu menyediakan ruang arkib itu dengan menyumbang bahan pameran yang berkaitan.

Tuanku Syed Faizuddin yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bertitah setiap masjid berbeza dari segi sejarah, pengaruh, identiti, kisah, seni bina dan keunikannya yang patut diketahui umum.

"Ruang arkib akan menyediakan maklumat berguna berkaitan perkembangan institusi agama kepada orang ramai, pelajar, para penyelidik dan generasi muda," titah baginda ketika merasmikan Masjid Al Mustaqim, Seriab dekat sini malam tadi.

Koleksi itu boleh dihimpun dan dipamerkan dalam sebuah muzium Islam Perlis yang mungkin boleh diwujudkan satu hari kelak, titah baginda.

Sempena perasmian masjid berusia lebih 10 tahun itu, baginda turut menyampaikan sijil imam kepada 31 imam masjid seluruh kawasan parlimen Kangar dan menyampaikan sumbangan MAIPs kepada 69 penduduk miskin, masing-masing menerima RM400.

Baginda turut melancarkan buku terbitan Jabatan Mufti Perlis bertajuk 'Doa-doa Ma'thur Dari Sunnah' pada majlis itu.

Sebelum itu baginda berbuka puasa bersama rakyat dan menunaikan solat sunat Tarawih.

Baginda berharap kehadiran Ramadan akan terus memperkukuh hubungan kasih sayang kekeluargaan, jiran tetangga, anak-anak kariah dan rakyat keseluruhannya.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Perlis Khairi Hasan dan Mufti Perlis Datuk Mursyid Diraja Dr Juanda Jaya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=962508>